




BANJIR terburuk yang melanda Bangkok, Thailand kini disifatkan sebagai satu bencana luar biasa.

Mitos banjir besar 40 tahun sekali menghantui warga KL

Langkah pencegahan dilaksana pastikan risiko kehilangan nyawa, harta benda dapat diminimumkan

Azrul Affandi Sobry

azr@bharian.com.my



BENCANA ialah musibah yang sukar diramal dan ia boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana saja. Kemampuan manusia untuk menjangka apa bakal berlaku, terutama membabitkan bencana alam ialah sangat terhad dan tidak selalunya tepat.

Apa yang termampu ialah sekadar membuat persiapan bagi memastikan kesan bencana tidak terlalu teruk sehingga mengorbankan banyak nyawa atau membabitkan kerugian besar. Namun, tiada siapa mampu menjangkakan seteruk mana sesuatu bencana itu bakal berlaku. Salah percaturan, persiapan jadi sia-sia.

Contoh terdekat ialah bencana banjir yang kini melanda utara Thailand. Kerugian dan kehilangan nyawa bukan sedikit dan ia disifatkan sebagai satu bencana luar biasa. Tidak juga diduga, bandar raya seperti Bangkok boleh tenggelam yang meragut banyak nyawa.

Itu bukan kes terencil kerana sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak negara dan bandar besar turut menerima nasib sama. Boleh dikatakan hampir setiap tahun ada saja laporan mengenai banjir besar yang melanda pelbagai negara dan kebanyakannya dianggap luar biasa.

Penangan akibat banjir bukan sembarangan. Rentetan sejarah kehilangan nyawa akibat bencana ini juga bukan sedikit. Pada 1931, banjir Sungai Kuning di China meragut sehingga lebih sejuta nyawa, malah dikatakan mungkin mencecah empat juta orang. Ia adalah kejadian terburuk kedua di lokasi sama selepas hampir sejuta terkorban pada 1887 akibat dasar laut naik diikuti hujan deras, sekali gus mengundang banjir.

Pada 12 November 1970, ribut Siklon yang membadai Pakistan Timur (sekarang Bangladesh), mengakibatkan banjir besar yang turut membunuh banyak

nyawa. Lebih 100,000 nyawa terkorban. Jika pembinaan empangan dikatakan penyelesaian kepada banjir, ia dibuktikan sebaliknya apabila empangan Banqiao di China pecah akibat hujan lebat selama 24 jam yang menyamai jumlah setahun hujan, membunuh 230,000 nyawa akibat limpahan airnya.

Tahun lalu saja, dua negara menerima bencana banjir luar biasa. Australia dan Pakistan boleh dikatakan lumpuh dan ada ketikanya diisytihar darurat. Merujuk kepada negara jiran Thailand pula, Haadyai hampir tenggelam dan kesannya, Kedah dan Perlis turut terjejas. Kawasan yang sudah berpuluh-puluh tahun tidak dilanda banjir, tenggelam hingga mencecah bumbung rumah.

Mungkin ramai beranggapan bencana di Malaysia tidak akan seteruk mana. Kebanyakannya lupa pada sejarah. Ramai juga membuat andaian sistem kawalan bencana banjir di negara ini sudah cukup kuat. Malah, mereka di Kuala Lumpur mungkin sudah menarik nafas lega kerana beranggapan dengan adanya terowong SMART, masalah banjir bukan isu lagi.

Mereka lupa kejadian banjir besar pernah berlaku di seluruh negara pada 1931, 1947, 1954, 1957, 1967 dan 1971. Malah bencana pada 1971 dianggap paling buruk sehingga menenggelamkan 60 peratus kawasan Kuala Lumpur dan dikatakan menjadikan ibu negara itu seperti sebuah pulau.

Maka, wujudlah mitos yang mengaitkan bencana banjir besar di Malaysia yang muncul setiap 40 tahun sekali. Meskipun kedengaran mengarut, tetapi ada sebahagian sisinya boleh dipercayai kerana bencana alam memang ada kitarannya. Jika pernah berlaku, tidak mustahil akan berlaku lagi. Jika kitaran mitos 40 tahun itu diambil kira, 2011 adalah masanya.

Banjir yang melanda pada 1971 itu surut dalam masa seminggu, mengorbankan 57 nyawa dan kerugian harta benda dianggarkan melebihi RM84.7 juta. Banjir itu turut meninggalkan kesan kerosakan yang paling teruk, ramai kehilangan tempat tinggal dan harta benda. Ramai yang terpaksa tinggal sehela



Jika keadaan hujan luar biasa dan melebihi jangkaan kita, tidak mustahil Kuala Lumpur juga boleh tenggelam. Teknologi terowong SMART memang banyak membantu, tetapi bukan penyelesaian

Dr Azizan Abu Samah
Pakar geografi



sepinggang, selepas semua harta benda dihanyutkan banjir.

Jika ia berulang, pasti kesannya lebih ketara kerana pembangunan di Kuala Lumpur bukan ratusan ribu ringgit nilainya, malah mungkin berbilion ringgit. Malah, jika bencana banjir 1971 berulang, mampukah semua negeri di Malaysia menanganinya. Cukupkah persediaan kita?

Justeru, pakar geografi, Profesor Datuk Dr Azizan Abu Samah menyimpulkan bahawa bencana banjir sukar diramal dan boleh berlaku lebih buruk daripada apa yang pernah berlaku kerana sejarah pernah membuktikannya. Malah, semua langkah yang diambil belum pasti dapat mengelakkan bencana besar sebegitu berulang.

"Dalam kaedah membuat benteng dan semua langkah pencegahan, ia mengambil kira kadar bencana yang mungkin berlaku. Selalunya projek seperti pembinaan benteng dibina berdasarkan kiraan bencana sekali dalam 50 tahun. Maksudnya, anggapan dibuat jika satu bencana yang berlaku sekali dalam 50 tahun, kesannya pasti lebih teruk daripada sekali dalam 10 tahun.

"Namun, jika kadar hujan yang turun sangat luar biasa, iaitu melebihi jangkaan sekali dalam 50 tahun, misalnya ia



mencapai tahap sekali dalam 100 tahun, kesannya pasti tidak dapat dikawal. Benteng pasti rosak dan pecah. Jika itu berlaku, tidak mustahil banjir besar boleh berlaku.

"Satu contoh lagi. Difahamkan ketika terowong SMART siap dibina dulu, ia dijangka hanya akan digunakan sebagai laluan air lima ke enam kali setahun tetapi maklumat yang kami terima, ia sudah digunakan lebih 70 kali tahun ini. Jadi, ia menunjukkan keadaan hujan luar biasa kerap berlaku.

"Namun, mujurlah terowong itu ada. Sekurang-kurangnya, kejadian banjir kilat yang kerap melanda Kuala Lumpur dapat dikurangkan. Bayangkan jika semua 70 kali itu, air tidak dapat dilalukan terus ke sungai dan memasuki Kuala Lumpur, kerugiannya pasti besar. Pasti kerap kerosakan harta benda berlaku," katanya ketika mengulas mengenai kemampuan negara menghadapi bencana banjir besar.

Beliau yang juga pensyarah di Universiti Malaya (UM) berkata, teknologi terowong SMART tetap ada kelemahannya. Laluananya dikatakan dibina hanya untuk menyalurkan air sungai dari sebelah utara dan dipindahkan terus ke selatan tanpa melalui bandar raya, tetapi masih ada beberapa sungai di ping-

gir Kuala Lumpur seperti di Subang dan Hulu Selangor yang turut berisiko melimpahkan air, sekali gus menyebabkan banjir jika hujan dalam keadaan luar biasa.

Apa yang perlu lebih merisaukan, berdasarkan indeks El Nino/Southern Oscillation (ENSO) yang memantau perubahan cuaca dunia menunjukkan 10 tahun kebelakangan ini fenomena La Nina iaitu cuaca lembap luar biasa lebih kerap berlaku, dikatakan ada kaitan dengan pemanasan global yang menyerap air lebih banyak daripada biasa.

Malah, difahamkan tahun ini fenomena itu sekali lagi positif akan berlaku menjelang hujung tahun ini, sekali gus memaksa penduduk di kawasan berisiko bersedia dengan kemungkinan banjir. Cuma, sama ada ia besar atau tidak, tiada siapa boleh meramalkannya.

Senario di Bangkok pula tidak boleh dijadikan asas kepada kemungkinan banjir besar bakal melanda negara ini kerana ia adalah fenomena unik yang jarang berlaku. Ia dikatakan disebabkan taufan dari Filipina yang kebiasaannya menghala ke utara, tetapi kali ini berdepan tentangan angin kuat dari barat yang menolaknya ke selatan Thailand sehingga ke jurang Khatulistiwa.

Jurang Khatulistiwa ini akan turun dan pada penghujung tahun, ia akan berada di sekitar Pantai Timur, terutama di Kelantan membawa serbuan udara sejuk yang memungkinkan hujan turun lebih lebat daripada kebiasaan seterusnya menyebabkan banjir.

"Namun, ia tidak pula bermakna kita terlepas daripada bencana banjir. Ia adalah senario biasa yang berlaku, terutama pada hujung tahun dan hujan lebat akan berlaku dalam tempoh ini. Apatah lagi, kali ini La Nina akan kembali. Kemungkinan banjir memang ada, tetapi tidak pasti seburuk mana.

"Jika keadaan hujan luar biasa dan melebihi jangkaan kita, tidak mustahil Kuala Lumpur juga boleh tenggelam. Teknologi terowong SMART memang banyak membantu, tetapi bukan penyelesaian. Kuala Lumpur tetap boleh tenggelam jika hujan luar biasa datang dari arah sungai yang bukan dalam liputan terowong itu," katanya lagi.